

PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK

PROJEK PELAJAR

**KEBERKESANAN PERLAKSANAAN SISTEM 5S.  
TINJAUAN DI BAHAGIAN PENGURUSAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS  
SAMARAHAN**

**ZULKARNAIN BIN ISMAIL  
NORAZIZAN BIN HAMZAH  
HASZLINA BINTI BUJANG  
SHARIFAH HALMIAH BINTI WAN RAZALI**

**KERTAS PROJEK INI DISEDIAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN AKADEMIK UNTUK MENDAPATKAN DIPLOMA  
PENTADBIRAN AWAM.**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SAMARAHAN  
FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG.**

**APRIL 2001**

---

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>Abstrak</b>	i
<b>Penghargaan</b>	ii
<b>Surat Akuan</b>	iii
<b>BAB 1 PENGENALAN KAJIAN</b>	
1.1 Latar belakang	1
1.2 Penyataan Masalah	2
1.3 Matlamat kajian	3
1.4 Skop kajian	4
1.5 Hipotesis kajian	4
1.6 Kepentingan kajian	5
1.7 Batasan kajian	6
<b>BAB 2 TINJAUAN KARYA</b>	
2.1 Pengenalan	9
2.2 Kajian dalam negeri	14
2.3 Kajian luar negeri	16
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	19
3.2 Rekabentuk kajian	19
3.3 Pengumpulan Kajian	21
3.4 Kaedah Persampelan	23
<b>BAB 4 KEPUTUSAN DATA</b>	
4.1 Pengenalan	26
4.2 Latar belakang responden	26
4.3 Pengkajian dan ulasan hipotesis	30
<b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1 Pernyataan ringkas tentang keputusan kajian	48
5.2 Perbezaan dan penilaian keputusan dalam konteks karya	49
5.3 Cadangan	51

## ABSTRAK

Kami merupakan pelajar tahun akhir Universiti Teknologi MARA (UiTMKS) untuk Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang telah membuat satu kajian mengenai Tinjauan keberkesanan Pelaksanaan 5S di Bahagian Pengurusan UiTMKS. Memandangkan pelaksanaan 5S adalah masih baru dijalankan di bahagian pengurusan ini maka kini kami ingin melihat sejauhmanakah keberkesanan pelaksanaannya di bahagian pengurusan ini. Di samping itu juga ia bertujuan mencari jalan mewujudkan sebuah pentadbiran yang mampu menghadapi pelbagai cabaran yang ditempuhi di masa hadapan. Bagi mendapatkan maklumat yang terperinci dan tepat kepada pihak pengurusan yang kami temui sepanjang kajian yang dijalankan ini. Apa yang mampu kami katakan di sini ialah kajian ini akan menjadi rujukan kepada mana-mana generasi pada masa hadapan untuk mewujudkan kajian yang dapat membentuk pengurusan yang berkualiti di dalam Institusi Pengajian Tinggi seperti Universiti Teknologi Mara Kampus Samarahan.

# BAB 1

## Pengenalan

### 1.1 Latarbelakang Kajian

Di dalam proses memahami peranan sebenar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dengan lebih mendalam, faktor yang perlu diambil perhatian ialah sumbangan yang telah di berikan oleh Institusi berkenaan. Pada hari ini IPTA telah menempuhi suatu era baru. Seiring dengan cabaran daripada perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, semua IPTA mempunyai matlamat yang hampir sama iaitu mengeluarkan graduan yang berkualiti tinggi.

Lanjutan daripada itu, kerajaan telah menjana suatu kaedah agar memastikan matlamat itu tercapai dengan mengukuhkan lagi pengurusan di dalam setiap IPTA melalui perlaksanaan Total Quality Management (TQM) ataupun Pengurusan Kualiti Menyeluruh. Penekanan juga dilihat untuk mengekalkan dan meningkatkan kecemerlangan bagi menghadapi keperluan pelanggan yang semakin meningkat. Tahap kemajuan perlaksanaan program kualiti dapat di lihat dengan kesungguhan IPTA melaksanakan pelbagai sistem pengurusan. TQM merangkumi pelbagai jenis yang mana setiap satunya mempunyai siri yang berbeza. Antara siri pengurusan yang berkualiti yang di amalkan oleh kebanyakan masyarakat kita ialah siri ISO 9000. Siri ISO 9000 ini pula dapat di pecahkan kepada beberapa bahagian iaitu ISO 9000, ISO 9001 dan juga ISO 9002. Selain daripada itu, terdapat juga perlaksanaan konsep KAIZEN yang mana ia merupakan sebahagian daripada siri pengurusan yang berkualiti. Salah satu



## **BAB 2**

### **TINJAUAN KARYA**

#### **2.1 Pengenalan**

Di dalam tinjauan karya ini ia akan membincangkan mengenai definisi kajian kami serta kajian-kajian lepas yang dilakukan di peringkat tempatan mahupun peringkat luar.

##### **2.1.1 Definisi sistem 5S**

Di Jepun, 5S boleh di katakan sebagai satu konsep kawalan kebersihan rumah atau tempat kerja yang menjadi asas kepada peningkatan di dalam produktiviti dan kualiti yang berterusan pada setiap masa.

Ia dipercayai bahawa konsep kawalan kebersihan ini di dalam tempat kerja di dalam organisasi mempunyai hubungan secara langsung dalam menanam disiplin di kalangan kakitangan. Tempat kerja yang kemas di dalam organisasi tersebut mampu mengwujudkan pelbagai perubahan yang positif. Sebagai contohnya lebih pekerja mengikut kepada jadual, pengurangan masalah kepada teknologi pejabat dan menangani pelbagai masalah tempat yang mempunyai banyak kelemahan. Di akhir keputusan, banyak pihak termasuk kakitangan dan pelanggan sesuatu organisasi akan berpuas hati terhadap sesebuah organisasi tersebut.